    iii) gejala berbeza yang jelas dan terbukti jelas; atau
    iv) kewujudan pasti dapat dilihat jelas oleh orang yang munasabah dalam keadaan itu.
26. **Perkhidmatan Pengangkutan Awam** bermaksud mana-mana bas atau teksi atau khidmat berjadual yang berlesen, yang boleh dinaiki oleh orang awam di hentian yang dikenalpasti sebagai penumpang membayar tambang.
27. **Pengangkutan Berjadual** bermaksud kapal terbang, keretapi atau kapal laut yang berjadual di mana syarikat pengangkutan udara, keretapi dan kapal laut tersebut berdaftar dengan pihak berkuasa berkenaan di negara di mana kapal terbang, keretapi atau kapal laut tersebut berdaftar dan mempunyai sijil, lesen atau kebenaran yang seumpamanya untuk pengangkutan berjadual dan berdasarkan kebenaran tersebut, menyediakan dan menerbitkan jadual dan tarif untuk khidmat penumpang di antara lapangan terbang, stesen keretapi dan pelabuhan mengikut masa yang tetap dan khusus.
28. **Keadaan Perubatan Serius** bermaksud satu keadaan di mana pada pendapat **Syarikat** atau wakil yang dibenarkan membentuk satu perubatan kecemasan yang serius atau mengancam nyawa yang memerlukan pemindahan serta-merta untuk mendapatkan rawatan pemulihan segera untuk mengelak kematian atau kerosakan serius prospek kesihatan jangka pendek atau panjang bagi **Pihak Diinsuranskan**. Tahap serius keadaan perubatan itu akan diadili dalam konteks lokasi geografi **Pihak Diinsuranskan** dan terdapatnya penjagaan atau kemudahan perubatan setempat yang berpatutan.
29. **Perjalanan** bermaksud perjalanan yang bermula dari masa **Pihak Diinsuranskan** meninggalkan tempat kediaman atau perniagaan (yang mana terkemudian) untuk perjalanan terus ke tempat berlepas di Malaysia untuk memulakan perjalanan ke destinasi tujuannya dalam apa jua keadaan tidak bermula lebih daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa pelepasan yang ditempah dan tamat apabila yang mana di antara berikut berlaku dahulu:-

(a) tamat **Tempoh Insurans** yang dinyatakan dalam Sijil Insurans;
(b) **Pihak Diinsuranskan** pulang ke tempat tetap kediaman atau perniagaan (yang mana lebih awal) di Malaysia; atau
(c) dua puluh empat (24) jam selepas ketibaan di Malaysia.

Tempoh bagi setiap perjalanan:

i) tidak boleh melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut dari tarikh permulaan perjalanan; dan
ii) dalam **Tempoh Insurans**.

30. **Berharga** bermaksud benda yang terdiri daripada logam berharga atau batu berharga, barang kemas, jam tangan, bulu binatang, artikel emas dan perak, kamera (termasuk digital) dan aksesorinya, binokular dan komputer riba.
31. **Kecurian** bermaksud kehilangan kekal harta benda:
    (a) di mana terdapat bukti kejadian pecah masuk ke dalam premis (jika berkenaan); atau
    (b) di mana harta benda **Anda** diambil atau cuba diambil secara paksaan dengan menyebabkan atau cuba untuk menyebabkan kematian, penahanan salah atau menimbulkan rasa ketakutan yang seumpamanya; atau
    (c) di mana harta benda diambil secara paksaan di mana-mana tempat yang boleh diakses oleh orang awam secara bebas. Perbuatan meragut sedemikian akan mengandungi unsur-unsur perlakuan yang dibuat secara senyap-senyap dan mengejut; atau
    (d) di mana harta benda diambil daripada saku, beg atau dompet di mana-mana tempat yang boleh diakses oleh orang awam secara bebas. Perbuatan meragut sedemikian akan mengandungi unsur-unsur perlakuan yang dibuat secara senyap-senyap dan mengejut.
32. **Kami / Kita / Syarikat / RHB Insurance** bermaksud **RHB Insurance Berhad** (Nombor Pendaftaran perniagaan Syarikat 197801000983 (38000-U)), dilesenkan di bawah Akta Perkhdimatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**KAWASAN GEOGRAFI**

---

**Wilayah 1** - Brunei, China, Hong Kong, Cambodia, Laos, Macao, Singapore, Myanmar, Indonesia, South Korea, Japan, Taiwan, Thailand, Vietnam, Timor Leste, Philippines, Nepal dan Perjalanan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak dan sebaliknya SAHAJA.
**Wilayah 2** - Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada
**Wilayah 3** - Seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat dan Kanada

**Polisi** ini tidak melindungi sebarang kerugian, kecederaan, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada perjalanan dalam, ke atau melalui Israel, Afghanistan, Iran, Iraq, Syria, Belarus, Cuba, Democratic Republic of Congo, North Korea, Lebanon, Liberia, Somalia, Sudan, South Sudan dan Zimbabwe dan mana-mana negara lain yang tertakluk kepada Sekatan oleh U.S. or EU.

**Nota:**
Manfaat-manfaat Covid-19 tidak terpakai untuk perjalanan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak dan sebaliknya.

**BAHAGIAN 1 – KEMALANGAN DIRI**

---

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Sehingga jumlah manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan di sini bagi kecederaan tubuh yang **Anda** alami dan disebabkan sepenuhnya oleh kejadian ganas, kemalangan, luaran dan kelihatan yang timbul dalam tempoh satu tahun dari tarikh berlakunya kejadian dan ianya bebas dan hanya mengakibatkan manfaat yang tertera di bawah.

| | |
|---|---|
| Manfaat 1 | Kematian akibat Kemalangan |
| Manfaat 2 | Hilang Upaya Kekal<br>Suatu amaun berdasarkan Jumlah Diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual Polisi berdasarkan perkadaran Hilang Upaya Kekal yang dialami yang akan ditentukan selaras dengan Jadual Hilang Upaya Kekal yang dinyatakan di sini. |

**Jadual Manfaat Hilang Upaya Kekal**

| | |
|---|---|
| Kehilangan satu atau dua anggota badan | 100% |
| Kehilangan satu atau kedua-dua belah tangan, ataupun semua jari dan kedua-dua belah ibu jari | 100% |
| Kehilangan keseluruhan penglihatan kedua belah mata | 100% |
| Lumpuh keseluruhan | 100% |
| Kecederaan menyebabkan terlantar sakit di katil secara kekal | 100% |
| Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan kehilangan upaya secara kekal | 100% |
| Kehilangan lengan di bahu | 100% |
| Kehilangan lengan di antara bahu dan siku | 100% |
| Kehilangan lengan di siku | 100% |
| Kehilangan lengan di antara pergelangan tangan dan siku | 100% |
| Kehilangan tangan di pergelangan tangan | 100% |
| Kehilangan empat jari dan ibu jari pada satu tangan | 50% |
| Kehilangan empat jari | 40% |
| Kehilangan ibu jari - kedua-dua falanks<br>- satu falanks | 25%<br>10% |
| Kehilangan jari telunjuk - tiga falanks<br>- dua falanks<br>- satu falanks | 10%<br>8%<br>4% |
| Kehilangan jari tengah - tiga falanks<br>- dua falanks<br>- satu falanks | 6%<br>4%<br>2% |

| | | |
|---|---|---|
| Kehilangan jari manis | - tiga falanks<br>- dua falanks<br>- satu falanks | 5%<br>4%<br>2% |

| | | |
|---|---|---|
| Kehilangan jari kelengkeng | - tiga falanks<br>- dua falanks<br>- satu falanks | 4%<br>3%<br>2% |
| Kehilangan metakarpal | - pertama atau kedua (tambahan)<br>- ketiga, keempat atau kelima (tambahan) | 3%<br>2% |
| Kehilangan kaki | - di pinggang<br>- di antara lutut dan pinggang<br>- di bawah lutut | 100% |
| Kehilangan jari kaki | - semua<br>- ibu jari, kedua-dua falanks<br>- ibu kari, satu falanks<br>- selain ibu jari, jika lebih dari satu jari, setiap satu | 15%<br>5%<br>2%<br>1% |
| Mata - Kehilangan | - seluruh mata<br>- penglihatan<br>- penglihatan, kecuali pengamatan cahaya<br>- kanta | 100%<br>100%<br>50%<br>50% |
| Kehilangan pendengaran | - kedua-dua telinga<br>- satu telinga | 75%<br>15% |
| Kehilangan pertuturan | - Hilang pertuturan kekal | 75% |

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk yang berikut:**

**Di bawah Manfaat 1 hingga 2**

a) lebih daripada satu manfaat yang disebabkan oleh kecederaan yang sama

b) kecederaan yang timbul daripada kerja buruh yang berkaitan dengan sebarang perniagaan, pekerjaan dan profesion

## BAHAGIAN 2 – PERBELANJAAN PERUBATAN DAN LAIN-LAIN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**

Sehingga jumlah manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan di sini bagi perbelanjaan perlu berikut yang ditanggung dalam **Tempoh Insurans** yang menyebabkan tuntutan dibuat akibat daripada kematian **Anda**, kecederaan badan atau penyakit ketika perjalanan di luar negara **Anda** melainkan untuk rawatan susulan.

**MANFAAT 1: PERBELANJAAN PERUBATAN**

Membayar balik yuran atau caj atau perbelanjaan wajar untuk:

i) perubatan, pembedahan, hospital, rumah jagaan atau khidmat jururawat.

ii) rawatan pergigian untuk menghilangkan kesakitan yang muncul secara tiba-tiba atau rawatan untuk kerosakan kepada gigi asli yang awalnya tidak rosak dengan syarat kerosakan itu disebabkan hanya oleh kecederaan.

**MANFAAT 2: RAWATAN ALTERNATIF**

Membayar balik sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan di sini bagi perbelanjaan yang timbul daripada rawatan pengamal perubatan tradisional, osteopati, fisioterapi dan/atau kiropraktor. Manfaat ini tidak termasuk rawatan yang dilakukan oleh seseorang yang juga merupakan **Pihak Diinsuranskan** sendiri atau **Ahli Keluarga Terdekat Pihak Diinsuranskan**.

**MANFAAT 3: RAWATAN SUSULAN**

Membayar balik perbelanjaan perubatan susulan yang timbul selepas kepulangan **Anda** daripada perjalanan **Anda** ke negara kediaman **Anda** adalah terhad kepada jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**. Walau bagaimanapun, tiada yang akan dibayar untuk perbelanjaan yang timbul selepas lebih daripada tiga puluh (30) hari.

**MANFAAT 4: PENGURUSAN LAWATAN BERSIMPATI**

Membayar balik perbelanjaan wajar untuk penginapan dan perjalanan tambahan, terhad kepada satu tiket dua-hala penerbangan kelas ekonomi yang ditanggung oleh seorang **ahli keluarga terdekat** yang diperlukan untuk membuat perjalanan ke tempat atau bersama-sama **Anda** dan kekal bersama **Anda** atas nasihat pakar perubatan yang memberi rawatan, apabila **Anda** terpaksa diwadkan ke hospital untuk lebih daripada lima (5) hari berturut-turut.

**MANFAAT 5: MANFAAT PENJAGAAN KANAK-KANAK**

Membayar balik perbelanjaan wajar untuk penginapan dan perjalanan tambahan, terhad kepada satu tiket dua-hala penerbangan kelas ekonomi yang ditanggung oleh seorang **ahli keluarga terdekat** yang diperlukan untuk menjaga dan/atau mengiringi anak-anak tanggungan yang berumur tidak lebih daripada dua belas (12) tahun pulang ke negara kediaman **Anda**, apabila mereka ditinggalkan tanpa jagaan ketika **Anda** diwadkan ke hospital.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk yang berikut:**

**Di Bawah Manfaat 1**

a) yuran atau caj untuk membaik pulih atau peruntukan untuk pergigian atau gigi palsu

b) sebarang kerja pergigian yang melibatkan penggunaan logam berharga

c) rawatan/baikpulih pergigian yang mana berpunca dari haus dan lusuh biasa atau penyelenggaraan biasa kesihatan pergigian

d) sebarang caj untuk rawatan tradisional

e) penjagaan oftalmologi, kacamata, kanta sentuh dan alat bantuan pendengaran atau preskripsi seumpamanya

**Di Bawah Manfaat 1 hingga 5**

a) kecederaan yang timbul daripada kerja buruh yang berkaitan dengan sebarang perniagaan, pekerjaan dan profesion

## BAHAGIAN 3 – ELAUN HOSPITAL

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**

Sehingga jumlah manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan di sini bagi perbelanjaan perlu berikut yang ditanggung dalam **Tempoh Insurans** yang menyebabkan tuntutan dibuat akibat daripada kematian **Anda**, kecederaan badan atau penyakit ketika perjalanan di luar negara **Anda** melainkan untuk rawatan susulan.

**MANFAAT 1: PENDAPATAN HARIAN**

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Manfaat dinyatakan untuk setiap hari penuh jika **Anda** diwadkan ke hospital semasa tempoh perjalanan sebagai tambahan kepada yuran atau caj atau perbelanjaan yang dibayar di bawah **Bahagian 2** sehingga maksimum enam puluh (60) hari sebagaimana dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

a) kecederaan yang timbul daripada kerja buruh yang berkaitan dengan sebarang perniagaan, pekerjaan dan profesion

**BAHAGIAN 4 – PEMINDAHAN KECEMASAN & PENGHANTARAN BALIK**

---

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Sehingga jumlah manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan di sini bagi perbelanjaan perlu berikut yang ditanggung dalam **Tempoh Insurans** yang menyebabkan tuntutan dibuat akibat daripada kematian **Anda**, kecederaan badan atau penyakit ketika perjalanan di luar negara **Anda** melainkan untuk rawatan susulan.

**MANFAAT 1: PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN**

Kami akan membayar balik yuran atau caj atau perbelanjaan yang perlu dan wajar untuk pemindahan perubatan kecemasan termasuk pengangkutan udara atau darat, penjagaan perubatan serta-merta sebelum dan semasa pengangkutan, komunikasi dan semua caj sampingan biasa yang ditanggung untuk memindahkan **Anda** dengan keadaan perubatan serius ke **hospital** terdekat di mana penjagaan perubatan wajar disediakan, dan tidak semestinya ke negara asal.
**Kami** tidak akan membayar untuk memindahkan **Anda** dari negara sendiri ke destinasi asing.

**Anda** mesti menghubungi Penyedia Bantuan **Kami** bagi mendapatkan kelulusan awal untuk sebarang pemindahan dan untuk melakukan urusan pengangkutan yang diperlukan.
Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tuntutan untuk kos ini menjadi tidak sah.

**MANFAAT 2: PENGHANTARAN BALIK KECEMASAN**

Jika **Anda** dimasukkan ke hospital di luar negara dan adalah perlu untuk **Anda** dihantar pulang ke Malaysia untuk meneruskan rawatan, **Kami** akan membayar kos penghantaran pulang yang perlu dan wajar termasuk kos pengangkutan seorang pegawai perubatan layak untuk mengiringi **Anda**. Jika ia melibatkan penghantaran balik kecemasan, Penyedia Bantuan dua puluh empat (24) jam perlu dihubungi dengan segera untuk meluluskan dan menguruskan semua penghantaran balik kecemasan. **Kami** berhak menentukan sama ada penghantaran balik kecemasan diperlukan atau tidak.

**MANFAAT 3: PENGHANTARAN PULANG JENAZAH**

Sekiranya berlaku kematian **Anda** akibat **Kemalangan** atau Penyakit semasa perjalanan, **Kami** akan membayar caj yang wajar untuk pengkebumian atau pembakaran mayat di tempat di mana kematian berlaku termasuk perbelanjaan wajar yang ditanggung untuk membawa pulang jenazah atau abu mayat ke Malaysia.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

a) yuran atau caj atau perbelanjaan untuk pengkebumian atau pembakaran mayat **Anda** di negara **Anda**
b) kecederaan yang timbul daripada kerja buruh yang berkaitan dengan sebarang perniagaan, pekerjaan dan profesion

**Kami** telah melantik Penyedia Bantuan untuk menyediakan Khidmat Bantuan Perubatan Kecemasan yang dinyatakan di bawah atas dasar rujukan atau pengaturan kecuali dinyatakan sebaliknya. Kedua-dua **RHB Insurance** dan Penyedia Bantuan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian tidak langsung atau turutan yang dialami oleh **Anda** yang timbul daripada perkhidmatan Penyedia Bantuan.

Penyedia Bantuan akan, tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi**, menyediakan perkhidmatan berikut kepada **Anda** apabila menghubungi Penyedia Bantuan.

**Untuk Penyedia Bantuan 24 jam sila hubungi:-**
**Tel: 03-7965 3833**

1. **Perkhidmatan Maklumat Perjalanan**

a) **Maklumat Inokulasi & Visa**
Penyedia Bantuan akan membantu **Anda** dengan menyediakan maklumat mengenai syarat visa dan inokulasi untuk negara asing seluruh dunia.

b) **Rujukan Penterjemah**
Penyedia Bantuan akan menyediakan nama, nombor telefon dan jika boleh dan diminta, waktu pembukaan pejabat jurubahasa di negara-negara asing. Walaupun Penyedia Bantuan akan melakukan rujukan tersebut, ia tidak boleh menjamin kualiti penyedia perkhidmatan dan pemilihan akhir penyedia perkhidmatan ditentukan oleh **Anda**. Penyedia Bantuan, bagaimanapun, akan bersikap teliti dan telus dalam memilih penyedia perkhidmatan.

c) **Bantuan Kehilangan Bagasi**
Penyedia Bantuan akan membantu **Anda** jika **Anda** kehilangan bagasi semasa perjalanan di luar negara **Anda** dengan menyediakan panduan untuk mendapatkannya semula.

d) **Rujukan Guaman**
Penyedia Bantuan akan menyediakan nama, alamat, nombor telefon dan jika tersedia, waktu pembukaan pejabat peguam dan pengamal undang-undang.

Walaupun Penyedia Bantuan akan melakukan rujukan tersebut, ia tidak boleh menjamin kualiti penyedia perkhidmatan dan pemilihan akhir penyedia perkhidmatan ditentukan oleh **Anda**. Penyedia Bantuan, bagaimanapun, akan bersikap teliti dan telus dalam memilih penyedia perkhidmatan.

e) **Menguruskan Bon Jaminan**
Penyedia Bantuan akan menguruskan bon jaminan untuk pelepasan bersyarat ke atas **Anda** untuk kesalahan bukan-jenayah semasa perjalanan di luar negara **Anda**. Peruntukan jaminan kewangan adalah tertakluk kepada Penyedia Bantuan mendapatkan bayaran daripada kad kredit **Anda** lebih dahulu atau daripada dana yang diperolehi daripada **ahli keluarga Anda**.

f) **Penghantaran Mesej Kecemasan**
Jika berlaku kecemasan atau diwadkan ke hospital, Penyedia Bantuan akan memaklumkan kepada **ahli keluarga terdekat Anda** dengan segera jika diminta.
Perkhidmatan di atas disediakan atas dasar rujukan atau pengaturan semata-mata. Penyedia Bantuan dan **RHB Insurance** tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan pihak ketiga.

2. **Bantuan Perubatan**

a) **Nasihat Perubatan melalui Telefon**
Penyedia Bantuan akan menguruskan untuk mendapatkan nasihat perubatan kepada **Anda** melalui telefon.

b) **Rujukan Penyedia Perkhidmatan Perubatan**
Penyedia Bantuan akan menyediakan kepada **Anda,** apabila diminta, nama, alamat, nombor telefon dan jika tersedia, waktu operasi pejabat pakar perubatan, hospital, klinik, doktor gigi dan klinik gigi (kolektifnya "Penyedia Perkhidmatan Perubatan"). Penyedia Bantuan tidak bertanggungjawab untuk menyediakan diagnosis atau rawatan perubatan. Walaupun Penyedia Bantuan akan melakukan rujukan tersebut, ia tidak boleh menjamin kualiti Penyedia Perkhidmatan Perubatan dan pemilihan akhir Penyedia Perkhidmatan Perubatan ditentukan oleh **Anda**. Penyedia Bantuan, bagaimanapun, akan bersikap teliti dan telus dalam memilih Penyedia Perkhidmatan Perubatan.

c) **Penghantaran Ubat-ubatan Penting**
Penyedia Bantuan akan menguruskan untuk menyerahkan kepada **Anda** ubat penting, bekalan ubat-ubatan dan perubatan yang diperlukan untuk penjagaan dan/atau rawatan **Anda**, tetapi yang tidak terdapat di lokasi **Anda**. Penghantaran ubat tersebut, bekalan ubat-ubatan dan perubatan akan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan di dalam negara tersebut. Penyedia Bantuan tidak akan membayar kos ubat, bekalan ubat-ubatan atau perubatan tersebut dan sebarang kos penghantaran berkaitan dengannya.

d) **Jaminan Perbelanjaan Perubatan Ditanggung Semasa Diwadkan ke Hospital**
Penyedia Bantuan akan, apabila dibenarkan oleh **RHB Insurance**, membantu **Anda** dengan memberi jaminan bagi pihak **Anda**, perbelanjaan perubatan yang ditanggung semasa **Anda** diwadkan ke hospital.

e) **Pemindahan Perubatan Kecemasan**
Penyedia Bantuan akan menguruskan pengangkutan udara dan/atau darat, dan komunikasi untuk memindahkan **Anda** apabila berada dalam Keadaan Perubatan Serius ke **hospital** terdekat di mana rawatan perubatan yang sesuai disediakan. Selepas mendapat kelulusan dari **RHB Insurance**, Penyedia Bantuan akan membayar untuk perbelanjaan perubatan perlu seperti pengangkutan dan komunikasi, dan semua caj sampingan yang biasa dan wajar yang ditanggung untuk perkhidmatan yang diuruskan oleh Penyedia Bantuan. Tertakluk kepada kelulusan **RHB Insurance**, Penyedia Bantuan berhak untuk menentukan sama ada keadaan perubatan **Anda** adalah cukup serius untuk mendapatkan Pemindahan Kecemasan Perubatan. Penyedia Bantuan juga berhak menentukan tempat di mana **Anda** akan dipindahkan dan cara atau kaedah pemindahan tersebut akan dijalankan setelah mengambilkira semua fakta dan keadaan yang diketahui oleh Penyedia Bantuan pada masa tersebut.

f) **Penghantaran Balik Kecemasan**
Penyedia Bantuan akan menguruskan penghantaran pulang **Anda** ke negara **Anda** selepas Pemindahan Perubatan Kecemasan dan diwadkan ke hospital seterusnya di luar kawasan negara **Anda**. Selepas mendapat kelulusan dari **RHB Insurance**, Penyedia Bantuan akan membayar untuk perbelanjaan perubatan perlu dan tidak dapat dielak untuk perkhidmatan yang diuruskan oleh Penyedia Bantuan. Tertakluk kepada kelulusan **RHB Insurance**, Penyedia Bantuan berhak untuk menentukan cara atau kaedah penghantaran pulang tersebut akan dijalankan setelah mengambilkira semua fakta dan keadaan yang diketahui oleh Penyedia Bantuan pada masa tersebut.

g) **Penghantaran Pulang Jenazah**
Penyedia Bantuan akan mengaturkan penghantaran pulang jenazah **Anda** ke negara **Anda** atau jika diminta oleh ahli keluarga **Anda**, menguruskan pengkebumian tempatan di tempat berlakunya kematian, tertakluk kepada sebarang peraturan kerajaan. Penyedia Bantuan akan membayar bagi pihak **RHB Insurance** untuk semua perbelanjaan wajar dan tidak dapat dielak yang ditanggung untuk pengangkutan udara dan/atau darat yang diuruskan oleh Penyedia Bantuan atau alternatifnya, membayar untuk kos pengkebumian di tempat berlakunya kematian sebagaimana diluluskan oleh **RHB Insurance**.

h) **Mengaturkan Kunjungan Ehsan**
Penyedia Bantuan akan mengaturkan satu tiket penerbangan ekonomi dua-hala untuk ahli keluarga terdekat **Anda** yang ingin bersama **Anda**, yang diwadkan ke hospital di luar negara **Anda** semasa dalam perjalanan bersendirian.

i) **Mengaturkan Kepulangan Kanak-kanak Bawah Umur**
Penyedia Bantuan akan mengaturkan satu tiket penerbangan ekonomi dua-hala untuk menjaga dan/atau mengiringi anak-anak tanggungan yang berumur tidak lebih daripada dua belas (12) tahun pulang ke negara kediaman **Anda**, apabila mereka ditinggalkan tanpa jagaan akibat **Anda** sakit, kemalangan atau semasa Pindahan Perubatan Kecemasan.

Perkhidmatan di atas (perkara **a** hingga **d**) disediakan atas dasar rujukan dan pengaturan semata-mata. Penyedia Bantuan dan **RHB Insurance** tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan pihak ketiga, yang merupakan tanggungjawab **Anda** sepenuhnya kecuali dinyatakan sebaliknya. Untuk pencegahan yang diuruskan oleh Penyedia Bantuan di mana **Anda** bertanggungjawab untuk membayar semua perbelanjaan pihak ketiga yang ditanggung, Penyedia Bantuan akan menyediakan jaminan kewangan dengan syarat Penyedia Bantuan telah mendapatkan bayaran daripada **Anda** melalui kad kredit **Anda** atau dari dana yang disediakan oleh ahli keluarga **Anda**.

## BAHAGIAN 5 – BAGASI DAN BARANG-BARANG PERIBADI

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
**MANFAAT 1 – Bagasi dan barang-barang peribadi**
Sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** dilampirkan untuk bagasi dan barang-barang peribadi **Anda** (termasuk pakaian yang dipakai) akibat daripada dicuri atau cubaan mencuri atau kerosakan kepada atau kehilangan bagasi dan barang-barang peribadi **Anda** oleh syarikat pengangkutan ditolak pengurangan untuk sebarang lusuh, haus atau susut nilai atau sebarang pampasan yang dibayar sama ada oleh syarikat pengangkutan atau lain-lain pihak. Bagasi dan barang-barang peribadi mestilah dimiliki oleh dan bersama **Anda** dan termasuk beg pakaian, peti, bagasi tangan dan bekas seumpamanya termasuk isi kandungannya.

Semua barang-barang berharga hanya akan dilindungi jika berlaku kecurian hanya jika dibawa bersama-sama **Anda** atau disimpan dengan dan berada di bawah jagaan pihak hotel.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

1. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
    a) Lebih daripada RM500 untuk setiap artikel, sepasang atau satu set artikel
    b) Lebih daripada RM2,000 untuk jumlah barangan berharga
    c) Lebih daripada perkadaran untuk jumlah artikel yang membentuk sepasang atau set jika berlaku kehilangan atau kerosakan.
2. kehilangan atau kerosakan kepada:
    a) haiwan
    b) bon-bon, setem, dokumen pengenalan diri, kad kredit dan kad bayaran, dokumen perjalanan, saham, instrumen dan sekuriti boleh niaga atau dokumen-dokumen yang seumpamanya.
    c) kanta sentuh atau kanta kornea, kacamata, alat bantuan pendengaran, anggota badan palsu, gigi palsu atau "dental bridges (gigi jambatan)" atau "dentures (dentur)"
    d) sebarang jenis kosmetik
    e) filem, pita, kaset, katrij atau cakera
    f) bahan-bahan kegunaan harian atau botol-botol atau sebarang kerosakan yang berlaku akibat daripada barangan tersebu
    g) basikal, kerusi roda, kereta sorong bayi, kerusi tolak atau kereta bayi selain daripada semasa sedang menggunakan perkhidmatan kenderaan awam dan syarikat pengangkutan yang mengangkutnya
    h) harta yang telah diinsuranskan secara khusus di tempat lain
    i) barang-barang berharga kecuali jika dibawa bersama-sama **Anda** atau disimpan dalam simpanan hotel atau peti keselamatan hotel
    j) wang peribadi
    k) artikel mudah pecah, alat-alat muzik, ukiran atau barangan isi rumah akibat retak, calar atau pecah
    l) telefon mudah alih, alat kelui, peralatan komputer mudah alih (selain daripada komputer riba), termasuk pembantu digital peribadi dan aksesorinya, dan peralatan untuk merakam bunyi dan / atau gambar dan aksesorinya
    m) peralatan sukan semasa digunakan akibat kerosakan
3. kerugian atau kerosakan disebabkan perubahan cuaca atau keadaan iklim, haus dan lusuh atau susutnilai, serangga atau haiwan perosak, penyusutan berkala, kerosakan atau kekacauan mekanikal atau elektrikal, keburukan sedia ada.
4. kehilangan atau kerosakan kepada bagasi peribadi ketika tidak berada di tempat tinggal semasa perjalanan **Anda** melainkan ia sentiasa berada bersama **Anda**.
5. kehilangan atau kerosakan kerana dicuri daripada kenderaan yang tidak dijaga melainkan ia tidak di dalam penglihatan **Anda** seluruhnya, di dalam bonet kereta yang berkunci dan tingkap bertutup dan terdapat bukti nyata kemasukan secara paksa.
6. kehilangan atau kerosakan akibat kecuaian **Anda**.
7. kehilangan misteri.
8. kehilangan atau kerosakan di mana **Anda** telah mendapat gantian atau pampasan sama ada daripada syarikat pengangkutan atau pihak lain.
9. kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas disedari.

## BAHAGIAN 6 – WANG PERIBADI

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar balik:**
Sehingga jumlah pelan terpilih yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** berkenaan dengan rompakan, **Pencurian** atau **Kecurian Wang Peribadi Anda** semasa **Perjalanan Anda**.
Dengan syarat bahawa **Anda** akan selalu menjalankan penjagaan yang munasabah untuk keselamatan dan apa-apa kerugian mesti dilaporkan kepada pihak polis dalam masa 24 jam dari kejadian kehilangan atau penemuan.
Sekiranya **Anda** berhak menerima bayaran balik atau pembayaran balik semua atau sebahagian daripada perbelanjaan tersebut dari mana-mana sumber lain, atau jika terdapat sebarang insurans lain menentang kejadian yang dilindungi di bawah Seksyen ini, **Kami** hanya akan bertanggungjawab untuk lebihan dari amaun yang boleh diperoleh daripada sumber insurans lain.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

1. kehilangan:
    a) atau kecurian wang peribadi yang tidak dijaga di tempat awam atau akibat daripada kegagalan **Anda** untuk menjaga atau mengambil langkah berjaga-jaga untuk keselamatan wang tersebut

b) wang peribadi daripada kenderaan yang tidak dijaga melainkan terlindung dan disimpan di dalam bonet yang dikunci atau ruang sarung tangan kereta tersebut yang berkunci dan tidak berada pada jarak penglihatan dan terdapat bukti nyata kemasukan secara paksa
c) wang peribadi di dalam beg pakaian semasa transit melalui udara atau kapal laut atau keretapi dan di luar kawalan **Anda**
d) wang peribadi di dalam pakaian **Anda** atau jaket yang dibiarkan tidak berjaga di tempat awam atau semasa transit melalui udara atau kapal laut atau keretapi dan di luar kawalan **Anda**
e) cek-cek kembara di mana pihak bank menyediakan perkhidmatan penggantian
f) atau kerosakan semasa berada di bawah simpanan syarikat penerbangan atau pengangkutan lain, kecuali jika dilaporkan serta-merta sebaik menyedarinya dan untuk kes berkaitan syarikat penerbangan, laporan ketidakteraturan harta diperolehi

2. kekurangan disebabkan oleh kesilapan, ketinggalan, pertukaran atau susut nilai
3. kehilangan misteri/tidak dapat dijelaskan

## BAHAGIAN 7 – DOKUMEN PERJALANAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** dilampirkan untuk tambahan penginapan yang berpatutan, perbelanjaan perjalanan dan komunikasi yang perlu untuk mendapatkan gantian untuk pasport **Anda** yang hilang atau visa dan/atau dokumen perjalanan luar negara semasa perjalanan **Anda** dengan syarat **Anda** telah mengambil langkah berjaga-jaga yang sepatutnya untuk keselamatan dan sebarang kehilangan mestilah dilaporkan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas menyedarinya.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**
1. kehilangan:
   a) atau kecurian pasport dan dokumen perjalanan yang tidak dijaga di tempat awam atau akibat daripada kegagalan **Anda** untuk menjaga atau mengambil langkah berjaga-jaga untuk keselamatan dokumen perjalanan tersebut
   b) pasport dan dokumen perjalanan di dalam beg pakaian semasa transit melalui udara atau kapal laut atau keretapi dan di luar kawalan **Anda**
   c) pasport dan dokumen perjalanan di dalam pakaian **Anda** atau jaket yang dibiarkan tidak berjaga di tempat awam atau semasa transit melalui udara atau kapal laut atau keretapi dan di luar kawalan **Anda**
   d) atau kerosakan semasa berada di bawah simpanan syarikat penerbangan atau pengangkutan lain, kecuali jika dilaporkan serta-merta sebaik menyedarinya dan untuk kes berkaitan syarikat penerbangan, laporan ketidakteraturan harta diperolehi
   e) sebarang perbelanjaan tambahan yang ditanggung untuk mendapatkan penggantian pasport dan dokumen perjalanan yang hilang dari negara **Anda**
2. Kehilangan yang tidak dapat dijelaskan.

## BAHAGIAN 8 – KEHILANGAN KOMPUTER RIBA

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar balik:**
**MANFAAT 1 – Kerosakan atau Kehilangan Komputer Riba**
Membayar balik untuk **Komputer Riba** akibat kerosakan atau kehilangan dan pembayaran balik maksimum adalah seperti dinyatakan dalam **Jadual Polisi**. Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan setiap tahun kalendar.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**
1. kerugian atau kerosakan disebabkan perubahan cuaca atau keadaan iklim, haus dan lusuh atau susutnilai, serangga atau haiwan perosak, penyusutan berkala, kerosakan atau kekacauan mekanikal atau elektrikal, keburukan sedia ada.
2. kehilangan atau kerosakan kerana dicuri daripada kenderaan yang tidak dijaga melainkan ia tidak di dalam penglihatan **Anda** seluruhnya, di dalam bonet kereta yang berkunci dan tingkap bertutup dan terdapat bukti nyata kemasukan secara paksa.
3. kehilangan atau kerosakan akibat kecuaian **Anda**.
4. kehilangan yang tidak dapat dijelaskan.
5. kehilangan atau kerosakan di mana **Anda** telah mendapat gantian atau pampasan samada daripada syarikat pengangkutan atau pihak lain.
6. kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas disedari.
7. Tiada dokumentasi untuk menyokong nilai dan pemilikan.

## BAHAGIAN 9 – KELEWATAN BAGASI

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
RM200 untuk setiap enam (6) jam berturut-turut dari tempoh **Anda** tiba ke destinasi **Perjalanan**, sekiranya bagasi daftar-masuk selain dokumen semasa perjalanannya terlewat kecuali tuntutan yang tidak diberitahu kepada Pengangkutan Am yang diberi kuasa untuk menerima laporan seperti itu, sebaik sahaja Anda menyedari kelewatan bagasi, dan/atau jumlah keseluruhan kepada manfaat dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti dilampirkan, yang mana lebih rendah.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**
1. tuntutan yang tidak diberitahu kepada syarikat pengangkutan jika bagasi **Anda** lewat atau hilang.
2. kehilangan atau kelewatan di mana **Anda** telah mendapat gantian atau pampasan daripada syarikat pengangkutan atau pihak lain.
3. sebarang pembelian yang dibuat selepas **Anda** menerima bagasi **Anda** daripada syarikat pengangkutan.
4. kelewatan bagasi yang berlaku semasa **Perjalanan** pulang ke negara **Anda**.
5. bagasi ditangguhkan, ditahan atau dirampas secara sah oleh pihak kastam, polis atau pihak berkuasa lain.

6. tuntutan yang dibuat di bawah Bahagian ini jika tuntutan telah dibuat di bawah **Bahagian 5** polisi ini.

### BAHAGIAN 10 – KELEWATAN PERJALANAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:** RM200 untuk setiap enam (6) jam penuh kelewatan dan/atau sehingga jumlah manfaat seperti dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan, mana yang lebih rendah, sebagai pampasan jika kapal terbang, keretapi, atau kapal laut berjadual yang **Anda** tempah lewat untuk berlepas untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) jam di mana-mana satu destinasi perhentian (termasuk transit) daripada masa yang dinyatakan oleh syarikat pengangkutan atau program perjalanan operator pelancongan semasa perjalanan **Anda** daripada negara **Anda** atau pulang ke rumah **Anda** akibat daripada mogok atau tindakan industri, keadaan cuaca yang tidak mengizinkan atau kegagalan mekanikal kapal terbang, keretapi atau kapal laut. Perlindungan di bawah Bahagian ini hanya boleh dipakai untuk syarikat pengangkutan yang berjadual, di mana **Anda** telah sahkan mengikut undang-undang dan peraturan syarikat pengangkutan.

**Polisi** ini hanya akan membayar untuk satu tuntutan yang dibuat samada dibawah **Seksyen 10**, **Seksyen 13** atau **Seksyen 14**.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk sebarang kejadian, yang disebabkan oleh:**

a) kegagalan **Anda** untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan mengikut program perjalanan yang diberi kepada **Anda**
b) **Anda** lewat tiba di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan selepas mendaftar masuk atau menempah pada masa ditetapkan (selain daripada lewat tiba kerana tindakan industri)
c) terlepas sambungan disebabkan oleh kelewatan di mana-mana satu destinasi perhentian (termasuk transit)
d) pampasan melainkan jika **Anda** mempunyai persetujuan bertulis daripada syarikat penerbangan, keretapi atau perkapalan atau ejen pengurusan mereka yang menunjukkan jadual masa berlepas dan masa berlepas sebenar kapal terbang, perjalanan atau pelayaran
e) kelewatan perjalanan akibat mogok atau tindakan industri, yang bermula atau diumumkan sebelum pembelian insurans
f) kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam akibat mogok atau tindakan industri, yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh berlepas dari rumah **Anda**
g) Kelewatan kerana tempah berlebihan penerbangan yang dilindungi secara berasingan

### BAHAGIAN 11 – PEMBATALAN PERJALANAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:** Sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** dilampirkan untuk kerugian penginapan peribadi atau caj-caj pengangkutan dan perbelanjaan perjalanan tambahan dibayar oleh atau untuk **Anda** dan hilang caj-caj tempahan awal dan prabayar di negara **Anda** oleh atau untuk **Anda** yang tidak dapat diperolehi semula daripada sumber yang lain jika perjalanan **Anda** terpaksa dibatalkan semasa berlepas.

**Manfaat di atas akan dibayar jika berlaku perkara berikut:**

1. pembatalan akibat daripada kematian **Anda** atau kematian mana-mana ahli keluarga terdekat **Anda**
2. pembatalan akibat **Anda** atau mana-mana ahli keluarga terdekat **Anda** diwadkan ke hospital kerana kecederaan tubuh badan atau penyakit serius
3. pembatalan akibat rumah **Anda** tidak boleh didiami kerana kebakaran, ribut atau banjir atau kemusnahan semulajadi yang seumpamanya seperti gempa bumi, taufan atau tornado

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

1. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
   a) kegagalan **Anda** untuk mendapatkan pasport atau visa yang perlu
   b) sebarang keperluan kerajaan, undang-undang atau akta
   c) kelewatan yang berpunca daripada syarikat pengangkutan atau penjadualan semula di negara **Anda** atau kelewatan berlepas pada bila-bila masa di dalam atau di luar negara **Anda** semasa perjalanan jika **Anda** memilih untuk tidak meneruskan perjalanan itu
   d) tindakan, kelewatan atau perubahan kepada program yang telah ditempah atau kegagalan untuk menyediakan mana- mana bahagian perjalanan yang ditempah itu termasuk kesilapan, ketinggalan atau kesalahan oleh pemberi khidmat pengangkutan atau penginapan atau ejen-ejen mereka atau sesiapa yang bertindak sebagai ejen **Anda** untuk sebarang perkhidmatan yang membentuk sebahagian daripada percutian yang ditempah atau penginapan serta untuk ejen tersebut atau operator pelancongan di mana percutian itu telah ditempah
   e) **Anda** menguruskan perjalanan **Anda** menggunakan ejen pelancongan tidak berlesen
   f) kegagalan kenderaan **Anda** sendiri
   g) keadaan kewangan **Anda**
   h) **Anda** kurang berminat untuk melancong atau **Anda** hilang keseronokan terhadap perjalanan tersebut
   i) keadaan cuaca melainkan cuaca yang benar-benar buruk di negara **Anda** yang menghalang **Anda** untuk pergi ke lapangan terbang atau pelabuhan pada masa ditetapkan untuk menaiki kapal terbang atau kapal laut
2. sebarang kerugian jika insurans ini dibeli dalam tempoh tiga (3) hari sebelum berlepas (termasuk tarikh berlepas) kecuali pembatalan disebabkan oleh kematian **Anda** atau kematian mana-mana ahli keluarga terdekat atau teman perjalanan **Anda** akibat kemalangan.

### BAHAGIAN 12 – PEMENDEKKAN PERJALANAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:** Sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** dilampirkan untuk pembayaran balik bagi perjalanan **Anda** yang tidak digunakan dan tidak boleh dibayar balik mengikut

perkadaran hari berbayar yang tidak **Anda** gunakan atau perlu bayar mengikut kontrak oleh **Anda** atau untuk **Anda** di negara **Anda** disebabkan kejadian yang perlu dan pembatalan yang tidak dapat dielakkan oleh **Anda** yang di luar kawalan **Anda** berlaku sewaktu perjalanan **Anda**. Pembayaran balik untuk penginapan akan mengikut setiap hari perjalanan yang tidak **Anda** lalui. Perkadaran perbelanjaan perjalanan akan dibayar balik hanya jika **Anda** tidak boleh menggunakan tiket pulang dan **Anda** tidak menuntut perbelanjaan perjalanan pulang di bawah Bahagian lain **polisi** ini.

**Manfaat di atas akan dibayar jika berlaku perkara berikut:**

a) pemendekkan disebabkan oleh kematian **Anda** atau kemasukan **Anda** ke hospital untuk tempoh perjalanan **Anda** disebabkan oleh kecederaan tubuh badan atau penyakit
b) pemendekkan disebabkan oleh kematian mengejut mana-mana ahli keluarga terdekat **Anda** yang berada di negara **Anda**
c) pemendekkan disebabkan oleh penyakit yang tidak disangka atau kemalangan oleh mana-mana ahli keluarga terdekat **Anda** yang berada di negara **Anda**, yang memerlukan kemasukan ke hospital untuk tempoh lebih daripada 48 jam

Jika berlaku pemendekkan, pampasan untuk caj-caj atau perbelanjaan prabayar yang tidak boleh diperolehi semula akan dikira berdasarkan setiap hari lengkap daripada tarikh pulang ke negara **Anda** sehingga kepulangan yang dijadualkan seperti tertera pada invois tempahan.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

1. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
    a) kegagalan **Anda** untuk mendapatkan pasport atau visa yang perlu
    b) sebarang keperluan kerajaan, undang-undang atau akta
    c) kelewatan yang berpunca daripada syarikat pengangkutan atau penjadualan semula di negara **Anda** atau kelewatan berlepas pada bila-bila masa di dalam atau di luar negara **Anda** semasa perjalanan jika **Anda** memilih untuk tidak meneruskan perjalanan itu
    d) tindakan, kelewatan atau perubahan kepada program yang telah ditempah atau kegagalan untuk menyediakan mana- mana bahagian perjalanan yang ditempah itu termasuk kesilapan, ketinggalan atau kesalahan oleh pemberi khidmat pengangkutan atau penginapan atau ejen-ejen mereka atau sesiapa yang bertindak sebagai ejen **Anda** untuk sebarang perkhidmatan yang membentuk sebahagian daripada percutian yang ditempah atau penginapan serta untuk ejen tersebut atau operator pelancongan di mana percutian itu telah ditempah
    e) Anda menguruskan perjalanan **Anda** menggunakan ejen pelancongan tidak berlesen
    f) kegagalan kenderaan **Anda** sendiri
    g) keadaan kewangan **Anda**
    h) **Anda** kurang berminat untuk melancong atau **Anda** hilang keseronokan terhadap perjalanan tersebut
    i) keadaan cuaca melainkan cuaca yang benar-benar buruk di negara **Anda** yang menghalang **Anda** untuk pergi ke lapangan terbang atau pelabuhan pada masa ditetapkan untuk menaiki kapal terbang atau kapal laut

**BAHAGIAN 13 – PERNERBANGAN LEBIH TEMPAHAN**

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**

Jika **Anda** tidak dibenarkan menaiki kapal terbang komersial yang berjadual semasa **Perjalanan Anda** disebabkan oleh terlebih-tempahan dan tiada pilihan **Pengangkutan** sepunya yang diberikan dalam tempoh enam (6) jam berturut-turut daripada jadual asal masa pelepasan seperti yang dicetak pada itenari, **Kami** akan membayar RM500 untuk setiap enam (6) jam lewat berturut-turut dan sehingga manfaat dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti dilampirkan, mana yang lebih rendah kecuali:

a) **Perjalanan** yang diuruskan melalui ejen **Perjalanan** tidak berlesen
b) Ketiadaan pengesahan bertulis daripada **Syarikat Pengangkutan** atau ejen pengendalinya yang menunjukkan tiket itu terlebih ditempah

**Polisi** ini hanya akan membayar untuk satu tuntutan yang dibuat samada dibawah **Seksyen 10**, **Seksyen 13** atau **Seksyen 14**.

**BAHAGIAN 14 – KEGAGALAN MENYAMBUNG PERJALANAN**

**Kami** akan membayar **Anda** amaun yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** jika program perjalanan **Anda** mengesahkan penyambungan perjalanan ke hadapan dan ia terlepas di lokasi penyambungan akibat kelewatan tiba pesawat yang masuk dan tiada penerbangan seterusnya yang tersedia atau disediakan dalam tempoh enam (6) jam berturut-turut.

**Polisi** ini hanya akan membayar untuk satu tuntutan yang dibuat samada dibawah **Seksyen 10, Seksyen 13** atau **Seksyen 14**.

**BAHAGIAN 15 – PENANGGUHAN PERJALANAN**

Jika perjalanan **Anda** ditangguh sebelum berlepas dari Malaysia akibat sebarang sebab (a) hingga (e) yang dinyatakan di dalam Bahagian ini, **Kami** akan membayar semula kos untuk menempah semula yang dicajkan oleh syarikat penerbangan dan/atau Ejen Perjalanan sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan.

**Manfaat di atas akan dibayar jika berlaku perkara berikut:**

a) Penangguhan akibat daripada kematian **Anda** atau kematian mana-mana ahli keluarga terdekat **Anda**
b) Penangguhan akibat **Anda** atau mana-mana ahli keluarga terdekat **Anda** diwadkan ke hospital kerana kecederaan tubuh badan atau penyakit serius
c) Penangguhan disebabkan kematian teman perjalanan **Anda** yang didaftarkan untuk perjalanan tersebut bersama **Anda** dan namanya terdapat di dalam Borang Cadangan dan Sijil Insurans
d) Penangguhan disebabkan teman perjalanan **Anda** diwadkan ke hospital kerana kecederaan tubuh badan atau

penyakit serius dengan syarat beliau telah didaftarkan untuk perjalanan tersebut bersama **Anda** dan merupakan **Pihak Diinsuranskan** serta namanya terdapat di dalam Borang Cadangan dan Sijil Insurans

e) Penangguhan akibat rumah **Anda** tidak boleh didiami kerana kebakaran, ribut atau banjir atau kemusnahan semulajadi yang seumpamanya seperti gempa bumi, taufan atau tornado

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar balik:**

1. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
   a) kegagalan **Anda** untuk mendapatkan pasport atau visa yang perlu
   b) sebarang keperluan kerajaan, undang-undang atau akta
   c) kelewatan yang berpunca daripada syarikat pengangkutan atau penjadualan semula di negara **Anda** atau kelewatan berlepas pada bila-bila masa di dalam atau di luar negara **Anda** semasa perjalanan jika **Anda** memilih untuk tidak meneruskan perjalanan itu
   d) tindakan, kelewatan atau perubahan kepada program yang telah ditempah atau kegagalan untuk menyediakan mana- mana bahagian perjalanan yang ditempah itu termasuk kesilapan, ketinggalan atau kesalahan oleh pemberi khidmat pengangkutan atau penginapan atau ejen-ejen mereka atau sesiapa yang bertindak sebagai ejen **Anda** untuk sebarang perkhidmatan yang membentuk sebahagian daripada percutian yang ditempah atau penginapan serta untuk ejen tersebut atau operator pelancongan di mana percutian itu telah ditempah
   e) **Anda** menguruskan perjalanan **Anda** menggunakan ejen pelancongan tidak berlesen
   f) kegagalan kenderaan **Anda** sendiri
   g) keadaan kewangan **Anda**
   h) **Anda** kurang berminat untuk melancong atau **Anda** hilang keseronokan terhadap perjalanan tersebut
   i) keadaan cuaca melainkan cuaca yang benar-benar buruk di negara **Anda** yang menghalang **Anda** untuk pergi ke lapangan terbang atau pelabuhan pada masa ditetapkan untuk menaiki kapal terbang atau kapal laut
2. sebarang kerugian jika insurans ini dibeli dalam tempoh tiga (3) hari sebelum berlepas (termasuk tarikh berlepas) kecuali penangguhan disebabkan oleh kematian **Anda** atau kematian mana-mana ahli keluarga terdekat atau teman perjalanan **Anda** akibat kemalangan.

## BAHAGIAN 16 – PERLINDUNGAN KEGANASAN PENUH

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi pihak yang diinsuranskan atas apa-apa kematian kemalangan atau hilang upaya akibat tindakan keganasan Nuklear, Biologi dan Kimia kecuali penyertaan **Anda** secara langsung dalam tindakan keganasan.

## BAHAGIAN 17 – KESULITAN PERAMPASAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
RM1,000 untuk setiap dua puluh empat (24) jam dan/atau sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**, yang mana lebih rendah, pampasan jika pengangkutan berjadual yang **Anda** naiki semasa perjalanan **Anda** itu dirampas.

## BAHAGIAN 18 – TERLEPAS PERJALANAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** dilampirkan untuk penginapan dan perbelanjaan tambahan yang perlu dan wajar yang timbul semasa tempoh awal **Anda** berlepas dari rumah **Anda** atau tempat perniagaan di negara **Anda** (mana lebih lewat) disebabkan oleh kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam menghantar **Anda** ke pelabuhan berlepas, lapangan terbang atau stesen keretapi seperti tertera pada jadual tiket **Anda**.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

1. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
   a) kegagalan **Anda** selain daripada kegagalan pengangkutan awam untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan mengikut program perjalanan yang diberi kepada **Anda**
   b) **Anda** lewat tiba di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan selepas mendaftar masuk atau menempah pada masa ditetapkan (kecuali untuk semua ketibaan yang disebabkan oleh kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam)
   c) terlepas sambungan disebabkan oleh kelewatan di mana-mana satu destinasi perhentian
   d) kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam akibat mogok atau tindakan industri, yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh berlepas dari rumah **Anda**.

## BAHAGIAN 19 – KEHILANGAN WANG PENDAHULUAN AKIBAT KEGAGALAN EJEN PERJALANAN

**Kami** akan membayar balik kepada **Anda** bagi kehilangan deposit perjalanan atau bayaran penuh yang tidak dapat diperolehi semula, sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan bagi setiap **Pihak Diinsuranskan**, yang telah dibayar terlebih dahulu kepada agensi pelancongan yang berdaftar di Malaysia, disebabkan oleh pemilik melarikan diri atau daripada insolvensi, yang mengakibatkan perjalanan yang dirancang dibatalkan.

Liabiliti maksimum **Syarikat** untuk mana-mana satu ejen pelancongan berdaftar adalah terhad kepada RM3,000,000 untuk mana-mana satu kejadian dan dalam agregat.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

a) disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh sebarang undang-undang atau kawalan kerajaan;
b) disebabkan oleh pembatalan oleh syarikat penerbangan, perkapalan, operator pelancongan, atau

Ejen pelancongan berkaitan dengan Perjalanan yang telah dirancang;
c) yang telah dilindungi oleh sebarang skim insurans atau program kerajaan sedia ada;
d) yang akan dibayar atau dipulangkan semula oleh hotel, syarikat penerbangan, skim pampasan industri, Ejen pelancongan atau lain-lain penyedia perkhidmatan perjalanan atau penginapan;
e) Insolvensi yang berlaku, atau petisyen untuk kebankrapan telah difailkan sebelum tarikh efektif **polisi** ini; atau
f) disebabkan oleh kegagalan mana-mana syarikat penerbangan, perkapalan, operator pelancongan, atau Ejen pelancongan, orang atau agensi yang menyediakan urusan perjalanan atas sebab-sebab selain daripada insolvensi

## BAHAGIAN 20 – PEMBAYARAN BALIK KAD KREDIT

Apabila, disebabkan oleh **Kemalangan** yang berlaku semasa Perjalanan **Anda**, **Anda** meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Kekal dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari Tarikh Kerugian/Kemalangan, **Kami** akan membayar **Anda** perbelanjaan kad kredit belum dibayar yang berlaku semasa Perjalanan (ditolak sebarang bayaran tertunggak daripada bulan-bulan sebelum bermulanya Perjalanan) ditanggung oleh **Anda** semasa Perjalanan sehingga amaun dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** khusus dalam **Bahagian 19 Jadual Manfaat** yang dilampirkan.

## BAHAGIAN 21 – LIABILITI PERIBADI

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan yang **Anda** bertanggungjawab secara undang-undang untuk membayar akibat kecuaian **Anda**:

a) kecederaan akibat kemalangan ke atas tubuh badan, sakit atau penyakit mana-mana pihak
b) kerugian atau kerosakan akibat kemalangan ke atas harta yang bukan milik **Anda** dan juga bukan di bawah tanggungjawab atau kawalan **Anda** atau mana-mana ahli keluarga terdekat
c) kerugian atau kerosakan akibat kemalangan kepada penginapan semasa perjalanan yang bukan milik **Anda** atau mana-mana ahli keluarga terdekat yang berlaku semasa **Tempoh Insurans**

Sebagai tambahan kepada yang di atas, **Kami** akan membayar sehingga RM50,000 sebagai kos dan perbelanjaan untuk litigasi oleh pembuat tuntutan terhadap **Anda** atau ditanggung oleh **Anda** dengan kebenaran bertulis **Kami** di mana **Anda** secara perundangan perlu membayarnya.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

1. sebarang liabiliti untuk kerugian atau kerosakan ke atas harta atau kecederaan, sakit atau penyakit:
   a) dialami oleh sesiapa di bawah Kontrak Perkhidmatan dengan **Anda** atau ahli keluarga dan timbul daripada kerja yang sepatutnya mereka lakukan sebagai pekerja
   b) kepada mana-mana ahli keluarga
   c) berlaku kerana tindakan atau ketinggalan yang disengajakan
   d) sebarang tindakan yang disengajakan, berniat jahat atau tidak mengikut undang-undang oleh **Anda** atau ahli keluarga
   e) berlaku kerana pekerjaan, profesion atau perniagaan **Anda** sendiri atau ahli keluarga
   f) berlaku kerana hakmilik, penjagaan, pemeliharaan atau kawalan **Anda** ke atas mana-mana haiwan
   g) di mana pengecualian diberikan di bawah sebarang insurans milik **Anda** dengan perjanjian, yang tidak sepatutnya ada, jika perjanjian tersebut tidak wujud
2. pampasan atau kos-kos lain yang timbul daripada kemalangan yang melibatkan:
   a) sebarang tanah atau bangunan atau kegunaan oleh atau bagi pihak **Anda** selain daripada penginapan sementara **Anda** semasa perjalanan
   b) harta kepunyaan atau diamanahkan atau diuruskan atau di bawah kawalan **Anda** atau ahli keluarga
   c) kenderaan yang digerakkan secara mekanikal dan sebarang treler yang disambungkan
   d) kapal terbang, kenderaan air bermotor atau kapal layar
3. Pengadilan yang tidak terdapat dalam insurans pertama dihantar oleh atau diperolehi daripada sebuah mahkamah kompeten yang mempunyai kuasa di Malaysia.

## BAHAGIAN 22 – LALUAN PERJALANAN DIUBAH

**Kami** akan membayar **Anda** jika ketibaan pengangkutan awam berjadual yang telah **Anda** aturkan untuk perjalanan mengalami kelewatan sekurang-kurangnya enam (6) jam dari masa yang dinyatakan dalam program perjalanan yang diberikan kepada **Anda** akibat pelencongan laluan pengangkutan awam tersebut, disebabkan oleh mogok/tindakan industri, keadaan cuaca yang tidak mengizinkan atau kegagalan mekanikal.

**Pengecualian ke atas Bahagian 22:**
**Kami** tidak akan membayar untuk tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung, berkaitan dengan atau disebabkan oleh:

1. kelewatan tiba di destinasi akibat kelewatan pelepasan pengangkutan awam berjadual;
2. Kegagalan **Anda** untuk mendapatkan pengesahan bertulis daripada syarikat pengangkutan atau ejen pengurusan mereka mengenai jumlah jam kelewatan dan sebab kelewatan tersebut; dan/atau
3. mogok, rusuhan atau tindakan industri yang wujud pada tarikh **Anda** membeli **Polisi** ini.

## BAHAGIAN 23 – PERLINDUNGAN EKSES BAGI KERETA SEWA

Kami akan membayar **Anda** untuk sebarang ekses atau pemotongan, yang **Anda** bertanggungjawab secara

undangundang untuk membayarnya di bawah kontrak kereta sewa akibat Kerugian atau Kerosakan kepada kereta sewa tersebut yang timbul daripada Kemalangan, tertakluk bahawa syarat berikut telah dipatuhi:

1. kereta mestilah disewa daripada agensi sewaan berlesen;
2. **Anda** dikehendaki mengambil insurans kenderaan komprehensif terhadap sebarang Kerugian atau Kerosakan kepada kereta sewa semasa tempoh sewaan;
3. **Anda** mestilah mematuhi semua syarat agensi sewaan di bawah perjanjian sewaan, penginsurans di bawah polisi insurans kenderaan kereta sewa serta undang-undang, peraturan dan akta negara yang dikunjungi; dan
4. kereta mestilah disewa dan dipandu oleh **Anda** atau mana-mana Ahli Keluarga terdekat **Anda** yang memiliki lesen sah untuk memandu kereta sewa tersebut di negara yang dikunjungi dan dinamakan sebagai **Pihak Diinsuranskan** di bawah Sijil Insurans.

**Pengecualian kepada Bahagian 23**

1. Kerugian atau Kerosakan yang berpunca daripada kegagalan **Anda** untuk mematuhi mana-mana syarat yang disenaraikan dalam **Bahagian** ini;
2. **Anda** atau Ahli keluarga Terdekat yang dinyatakan, semasa **Tempoh insurans** telah dibatalkan kelayakan oleh mana-mana arahan daripada mana-mana Mahkamah Undang-undang atau dilarang daripada menyewa dan/atau memandu atas sebab mana-mana undang-undang, enakmen, peraturan atau akta di negara yang dikunjungi; atau
3. Kerugian atau Kerosakan bukan disebabkan oleh Kemalangan melibatkan kereta sewa.

## BAHAGIAN 24 – PERALATAN GOLF

Apabila berlaku Kerugian atau Kerosakan kepada Peralatan Golf yang dimiliki oleh (dan bukan disewa oleh atau dipinjamkan atau diamanahkan kepada) **Anda** berlaku di tempat awam, **Kami** akan membayar untuk yang berikut:

a) kos penggantian atau memperbaiki Peralatan Golf yang hilang atau rosak, yang mana lebih rendah, sehingga jumlah manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan di sini; dan/atau
b) kos untuk menyewa Peralatan Golf gantian.

Jika disebabkan oleh sebarang Kerosakan, Peralatan Golf dibuktikan tidak berhemat untuk diperbaiki, **Kami** akan menganggap tuntutan di bawah **Polisi** ini seperti artikel tersebut telah hilang. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk lebih daripada had yang dinyatakan dalam Pelan Pilihan, berhubung mana-mana satu artikel, sepasang atau satu set artikel. **Kami** mungkin membuat pembayaran atau mengikut pilihan kami untuk mengembalikan atau memperbaiki Peralatan Golf tersebut, tertakluk kepada peruntukan untuk haus dan lusuh serta susut nilai.

## BAHAGIAN 25 – WANG TEBUSAN DISEBABKAN PENCULIKAN & TAWANAN

Kami akan membayar tuntutan tebusan yang disebabkan oleh **Anda** dijadikan Tawanan selepas diculik.

**Pengecualian kepada Bahagian 25**

**Kami** tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah bahagian ini untuk Kerugian atau Kerosakan yang disebabkan oleh perkara berikut:

1. perbuatan penipuan, ketidakjujuran atau jenayah oleh **Anda**;
2. kejadian, yang berlaku di negara kediaman **Anda**, mana-mana negara yang terletak di Amerika Tengah atau Selatan atau Afrika, atau mana-mana negara di mana terdapat kehadiran tentera Bangsa-bangsa Bersatu yang aktif;
3. bayaran tebusan sebelum insiden penculikan dilaporkan kepada Polis atau pihak berkuasa berkaitan; dan/atau
4. kegagalan **Anda** atau mana-mana Ahli Keluarga **Anda** untuk mematuhi dasar-dasar dan bekerjasama dengan pihak berkuasa berkaitan.
5. 

## BAHAGIAN 26 – PERLINDUNGAN ISI RUMAH

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**

Jika kediaman **Anda** telah dirompak semasa perjalanan **Anda** dan mengakibatkan kerugian atau kerosakan kepada item peralatan dalam rumah, **Kami** akan membayar pampasan jumlah manfaat dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**. Dengan syarat sebarang kerugian mesti dilaporkan kepada pihak polis dalam masa 24 jam dari kejadian kehilangan atau penemuan.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

Insurans ini tidak termasuk mana-mana satu daripada kejadian atau keadaan berikut. **Anda** akan, bila diperlukan, dan syarat terdahulu untuk sebarang liabiliti **Syarikat**, membuktikan bahawa kerugian tidak timbul disebabkan atau melalui mana-mana satu pengecualian dinyatakan di bawah:

a) sebarang kerugian atau kerosakan berlaku melalui tindakan sukarela **Pihak Diinsuranskan** atau dengan penglibatan **Pihak Diinsuranskan**.
b) kerugian (sama ada sementara atau kekal) terhadap hartanah diinsuranskan atau sebahagian daripadanya disebabkan oleh rampasan, pengambilan, penahanan atau pendudukan sah atau tidak sah ke atas hartanah itu atau sebarang premis, kenderaan atau sesuatu yang seumpamanya oleh pihak berkuasa kerajaan.
c) kerugian atau kerosakan peralatan fotografi, sukan dan alat muzik serta aksesori yang digunakan untuk perniagaan atau profesional.

## PENGECUALIAN AM (Terpakai kepada Semua Seksyen)

1. **Klausa Perang dan Pengganas**

   Insurans ini tidak mengambil kira kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut sama ada terdapat sebab atau kejadian lain yang menyumbang kepadanya dalam tempoh yang sama atau dalam apa jua turutan kepada kerugian:

a) perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pertempuran awam yang mencetuskan atau menyebabkan pemberontakan, ketenteraan atau pengambilalihan kuasa;

b) **Tindakan pengganas**

Adalah dipersetujui bahawa, tanpa mengambilkira sebarang penyebab, **Polisi** ini tidak melindungi sebarang kerugian di dalam apa jua cara yang disebabkan atau berpunca daripada tindakan pengganas yang melibatkan penggunaan atau ancaman sebarang senjata atau peralatan nuklear atau agen kimia atau biologi.

Untuk tujuan pengecualian ini, tindakan pengganas bermaksud tindakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau keganasan dan/atau ancaman, oleh mana-mana individu atau berkumpulan, sama ada bertindak bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited untuk tujuan politik, keagamaan atau ideologi atau tujuan seumpamanya termasuk dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan masyarakat awam atau mana-mana bahagian masyarakat tertentu dalam ketakutan. Ia juga tidak merangkumi kerugian, pampasan, kos atau perbelanjaan di dalam apa jua bentuk yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, berpunca dari atau berkaitan dengan sebarang tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, membanteras atau berkait di dalam apa jua cara dengan (a) dan/atau (b) di atas. Jika **Kami** mendakwa bahawa atas sebab pengecualian ini, sebarang kerugian, pampasan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh **Polisi** ini, maka **Anda** bertanggungjawab untuk membuktikan ia adalah sebaliknya. Jika berlaku keadaan di mana sebarang bahagian daripada pengecualian ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, semua bahagian lain masih kekal berkuatkuasa dan digunapakai.

2. **Klausa Risiko Radioaktif/Tenaga Nuklear**

Insurans ini tidak melindungi kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berkaitan dengan mana-mana satu yang berikut atau sebarang kerugian sampingan lain akibat:

a) radiasi terion daripada atau kontaminasi oleh radioaktif daripada mana-mana bahanapi nuklear atau daripada sisa-sisa pembuangan nuklear atau daripada pembakaran bahanapi nuklear

b) bahan radioaktif, toksik, letupan atau lain-lain bahan berbahaya atau bahan yang tercemar daripada sebarang jenis pemasangan nuklear, reaktor atau lain-lain komponen nuklear

c) sebarang senjata peperangan menggunakan atom atau pembakaran nuklear dan/atau pencetus pembakaran lain atau kuasa atau bahan radioaktif

3. **Kami** tidak akan membayar untuk sebarang kemerosotan, atau kehilangan atau kerosakan kepada harta, atau mana-mana liabiliti undang-undang, kecederaan, penyakit, kematian atau perbelanjaan yang disebabkan oleh atau menyumbang kepada, atau timbul daripada:

a) HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) walau apa puncanya dan/atau sebarang derivatif, variasi atau rawatan walau apa puncanya.

b) kelewatan, penyitaan, penahanan, tuntutan, kerosakan, kemusnahan, atau mana-mana peraturanperaturan pencegahan oleh Kastam atau Pegawai Kerajaan atau Pihak Berkuasa mana-mana negara.

c) Perjalanan sebagai krew pesawat.

4. **Kami** tidak akan membayar untuk:

a) sebarang kerugian turutan kecuali dinyatakan di dalam **Polisi**.

b) sebarang kerugian akibat mana-mana dan setaip pertukaran mata wang.

c) tuntutan berkaitan bayi yang berumur di bawah tiga puluh (30) hari dan mereka yang berumur di atas lapan puluh (80) tahun.

d) sebarang bayaran yang biasanya **Anda** lakukan semasa perjalanan **Anda**, jika tiada apa-apa berlaku.

5. Di bawah setiap **Bahagian 1, 2, 11** dan **12 Kami** tidak akan membayar untuk sebarang kejadian, yang disebabkan oleh:

a) **Anda** melakukan perjalanan menggunakan kapal terbang (selain daripada kapal terbang berlesen sepenuhnya untuk membawa penumpang).

b) ubat-ubatan, yang semasa pelepasan telah diketahui diperlukan atau diteruskan di luar negara kediaman.

c) rawatan atau perkhidmatan disediakan oleh spa kesihatan, rumah penjagaan atau pemulihan, atau mana-mana pusat pemulihan.

d) **Anda** menerima rawatan pesakit dalam atau berada dalam senarai menunggu untuk rawatan pesakit dalam.

e) **Anda** telah menerima prognosis terminal.

f) **Anda** bercadang untuk melakukan **perjalanan** yang bertentangan dengan nasihat **pengamal perubatan** atau bercadang untuk mendapatkan rawatan perubatan semasa **Perjalanan**.

g) **Anda** ingin bunuh diri, mencederakan diri atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada cubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia).

h) **Anda** berada di bawah pengaruh dadah atau penyalahgunaan bahan lain (selain daripada preskripsi oleh pengamal perubatan berdaftar tetapi tidak apabila ia adalah preskripsi untuk rawatan ketagihan dadah).

i) penyalahgunaan pelarut.

j) **Anda** berada di bawah pengaruh alkohol atau arak yang memabukkan.

k) **Anda** mengambil bahagian dalam pengembaraan berbahaya.

l) Semasa menyertai mana-mana sukan profesional;
m) sebarang kos rawatan untuk kehamilan, melahir anak, keguguran, pengguguran atau menopaus.
n) keadaan sedia ada.
o) pembedahan kosmetik.
p) pemeriksaan perubatan bukan kecemasan.
q) kegagalan untuk mendapatkan vaksinasi sebelum berlepas kecuali mendapat pengecualian oleh profesional perubatan untuk tidak divaksinasi disebabkan masalah kesihatan yang timbul jika divaksinasi (akibat kesan vaksin yang memudaratkan).
r) penyakit atau gangguan berbentuk psikologi, tekanan kegelisahan, sebarang keadaan keresahan dan/atau tekanan kegelisahan, penyakit mental.
r) menunggang motosikal (penunggang atau pembonceng).
s) sebarang kerugian turutan yang tidak dinyatakan dalam **polisi**.

6. Di bawah **Bahagian 11** dan **12**, **Kami** tidak akan membayar untuk sebarang kerugian:
   a) berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh undang-undang atau kawalan kerajaan termasuk kadar tukaran.
   b) disebabkan oleh pembatalan oleh syarikat pengangkutan.
   c) yang dilindungi oleh skim insurans lain atau program kerajaan sedia ada.
   d) yang akan dibayar oleh atau dikembalikan oleh institusi kewangan, hotel, syarikat penerbangan, ejen pelancongan atau mana-mana penyedia pelancongan atau penginapan lain.
7. Kami tidak akan membayar sebarang kerugian yang disebabkan secara langsung dan tidak langsung daripada penyakit berjangkit yang diisytiharkan sebagai wabak/pandemik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (kecuali perbelanjaan perubatan Covid-19 yang ditanggung semasa melancong ke luar negara tetapi tidak termasuk kos pengasingan, kuarantin dan ujian Covid-19).
8. Anda memandu sendiri, mengembara dengan kenderaan peribadi atau kereta yang disewa berlepas dari negara asal anda.

## SYARAT AM

1. **Kenyataan Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013**
   Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) seperti contoh, **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda** selaras dengan remedi di **Jadual** 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
2. **Kam**i akan bertindak dengan jujur dalam semua urusan kami dengan **Anda**. Oleh itu, bayaran tuntutan yang berlaku di Kawasan geografi terpilih semasa **Tempoh Insurans** bergantung kepada:
   **Anda mematuhi perkara berikut:**
   a) Mengambil langkah wajar dan biasa untuk melindungi diri daripada kemalangan, kecederaan, kerugian atau kerosakan, seolah-olah insurans tidak berkuatkuasa.
   b) Melaporkan secara bertulis kepada **Kami** dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pulang ke rumah **Anda**, butiran lengkap mengenai mana-mana kemalangan yang mungkin menyebabkan timbulnya tuntutan di bawah **Polisi**.
   c) Menunjukkan Sijil Insurans sebelum tuntutan diterima.
   d) Menghantar kepada **Kami** dengan segera apabila diterima, semua writ, saman, proses undang-undang atau sebarang komunikasi lain yang berkaitan dengan tuntutan.
   e) Memberi semua maklumat dan bantuan yang diperlukan yang mungkin **Kami** minta dengan perbelanjaan **Anda** (termasuk apabila perlu, pengesahan perubatan dan butiran insurans isi rumah **Anda**).
   f) Tidak mengakui liabiliti atau membuat tawaran atau akurjanji untuk membayar tanpa kebenaran kami.
   g) Memberi notis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam kepada Polis untuk sebarang kehilangan atau kecurian atau kepada syarikat pengangkutan jika kerugian atau kerosakan telah berlaku semasa transit. Dalam mana-mana kes, borang laporan mestilah diperolehi daripada Polis atau syarikat pengangkutan dan dihantar kepada kami.
   h) Tidak mengabaikan sebarang hartanah kepada **Kami**.
   i) Telah mendapatkan nasihat perubatan mengenai kemampuan untuk melakukan perjalanan apabila **Anda** telah menerima rawatan perubatan sebagai pesakit dalam di hospital semasa tempoh 6 bulan sebelum tempahan perjalanan.
   j) Tidak melakukan perjalanan yang bertentangan dengan nasihat perubatan atau secara khusus untuk mendapatkan rawatan perubatan.
   k) Tidak menerima prognosis terminal daripada pengamal perubatan berdaftar sebelum tarikh Sijil Insurans dikleuarkan.
   l) Bukan menunggu rawatan perubatan sebagai pesakit dalam di hospital pada tarikh Sijil Insurans dikeluarkan.
   m) Mengalami mana-mana keadaan kemurungan yang telah didiagnos terdahulu.
   n) Tiada pindaan dan/atau penambahan kepada terma dan syarat bercetak **Polisi** menjadi sah kecuali ia telah

diparap di pejabat **Kami** oleh kakitangan **Syarikat** yang diberi kebenaran.

**Anda mengiktiraf hak kami untuk:**

a) mengelak daripada membayar sebarang tuntutan, yang berbentuk penipuan.

b) mengambil alih dan menguruskan atas nama **Anda**, pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah **Polisi**.

c) melakukan prosiding atas nama **Anda** tetapi dengan perbelanjaan Kami untuk mendapatkan kembali daripada manfaat kami amaun mana-mana bayaran yang dibuat di bawah **Polisi**.

d) tidak bertanggungjawab untuk tuntutan yang sama di bawah lebih daripada satu Sijil Insurans Perjalanan dan/atau **polisi** untuk **Pihak Diinsuranskan** yang sama berkaitan dengan **Tempoh Insurans** yang serupa yang dikeluarkan oleh **RHB Insurance Berhad**.

e) membatalkan semua manfaat yang disediakan oleh **Polisi** tanpa membayar balik sebarang premium apabila bayaran dibuat untuk pembatalan atau pemendekkan perjalanan.

f) hanya membayar sebahagian tuntutan apabila terdapat insurans lain yang berkuatkuasa untuk melindungi risiko yang sama, dan untuk mendapatkan butiran insurans lain tersebut, tidak termasuk manfaat di bawah **Bahagian 1**.

g) tidak membayar balik premium selepas **Polisi** dikeluarkan.

h) membatalkan semua perlindungan di bawah **Polisi** dengan serta-merta jika tuntutan didapati tidak jujur atau diperbesarkan dalam apa jua cara dan **Kami** berhak untuk memaklumkan kepada polis mengenai tuntutan tersebut.

i) di bawah **Bahagian 4, Manfaat 1**

menentukan sama ada keadaan perubatan **Anda** cukup serius untuk diberikan Pemindahan Perubatan Kecemasan. Syarikat atau penasihat perubatannya juga berhak menentukan tempat di mana **Anda** akan dipindahkan dan cara atau kaedah pemindahan tersebut akan dijalankan setelah mengambilkira dan menilai semua fakta dan keadaan yang diketahui oleh **Syarikat** pada masa tersebut.

3. **Manfaat**

**Pihak Diinsuranskan** tidak boleh dilindungi melebihi daripada satu (1) polisi insurans Annual Travel Protector.

Sekiranya **Pihak Diinsuranskan** dilindungi di bawah lebih daripada satu (1) **Polisi** tersebut, **Syarikat** akan menganggap **Pihak Diinsuranskan** dilindungi di bawah **Polisi** yang memberi manfaat tertinggi. Apabila manfaat di bawah **Polisi** tersebut adalah serupa, **Syarikat** akan menganggap **Pihak Diinsuranskan** dilindungi di bawah **Polisi** yang pertama dikeluarkan. **Syarikat** akan memulangkan sebarang bayaran **premium** insurans yang bertindih yang mungkin dibuat oleh atau bagi pihak **Pihak Diinsuranskan.**

4. **Prosedur Tuntutan**

a) Notis bertulis mestilah diberi kepada Jabatan Tuntutan **Kami** di Level 12 West Wing, The ICON, No 1 Jalan 1/68F Jalan Tun Razak dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di dalam **Polisi** ini. Kegagalan memberi notis bertulis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan mentaksahkan tuntutan jika boleh dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberi notis bertulis tersebut dan notis itu diberi sebaik sahaja ianya boleh.

b) Semua tuntutan hendaklah diserahkan kepada **Kami** dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas lengkap kejadian yang menimbulkan tuntutan. Tuntutan dianggap tidak lengkap dan manfaat tidak dibayar kecuali semua bil-bil untuk tuntutan tersebut telah diserahkan dan dipersetujui oleh **Kami**, sebarang variasi atau pengecualian yang disebut di atas adalah atas budi bicara mutlak **Kami**.

c) Jika **Anda** atau sesiapa yang bertindak bagi pihak **Pihak Diinsuranskan** melakukan penipuan di dalam tuntutannya di bawah **Polisi** ini atau terlibat di dalam aktiviti penipuan untuk meraih keuntungan di bawah **Polisi** ini, semua manfaat yang perlu dibayar di bawah **Polisi** ini akan terbatal.

d) **Kami** berhak dan berpeluang untuk melakukan pemeriksaan ke atas **Pihak Diinsuranskan** sekerap yang diperlukan dan melakukan autopsi jika berlaku kes kematian dengan perbelanjaan **Kami** selagi ianya tidak melanggar undang-undang.

e) Tanpa kebenaran bertulis, **Anda** tidak akan menolak liabiliti, berunding atau membuat pengakuan, tawaran, janji untuk membayar berkaitan dengan mana-mana **Kemalangan** atau tuntutan dan **Kami** berhak untuk mengambil-alih jika perlu dan melakukan pembelaan tuntutan di bawah nama **Pihak Diinsuranskan** atau melakukan pendakwaan di bawah nama **Kami** dengan perbelanjaan **Kami** dan untuk faedah sendiri sebarang tuntutan untuk indemniti atau kerosakan atau menentang sesiapa sahaja dan mempunyai kuasa penuh di dalam perbicaraan dan penyelesaian untuk sebarang tuntutan. **Anda** dan/atau keluarga **Anda** perlu memberi maklumat dan kerjasama apabila **Kami** perlu.

5. **Pembaharuan**

**Kami** tidak berkewajipan untuk memberi notis kepada **Anda**. Premium untuk pembaharuan **Polisi** ini dianggap perlu dibayar pada tarikh **Polisi** ini tamat. Bagaimanapun, **Kami** masih bertanggungjawab selama empat belas (14) hari dari tarikh tamat **Polisi** ini dengan syarat pada hari terakhir untuk empat belas (14) hari tersebut, premium pembaharuan telah dibayar kecuali jika **Kami** atau **Anda** telah memberi notis bahawa insurans ini tidak akan diperbaharui. **Polisi** ini tidak boleh diperbaharui apabila **Anda** mencapai umur lapan puluh (80) tahun.

6. **Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan**

**Polisi** ini akan berkuat kuasa seperti pada tarikh yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi**. Ulang tahun **Polisi** adalah satu tahun selepas Tarikh Efektif insurans dan secara tahunan selepas itu. Pada setiap ulang tahun

tersebut, **Polisi** ini diperbaharui pada kadar premium yang berkuat kuasa pada masa tersebut sebagaimana dimaklumkan oleh **Kami**. **Polisi** ini boleh diperbaharui mengikut pilihan **Kami**.

7. **Perubahan Pelan Insurans**

Permohonan untuk menukar manfaat kepada pelan lebih tinggi atau rendah hanya boleh dibuat selepas penerimaan oleh **Kami** dan semasa pembaharuan.

8. **Penamatan oleh Kami**

**Kami** berhak untuk menamatkan atau membuat perubahan kepada ciri-ciri produk di dalam **Polisi** ini, dengan syarat semua polisi yang dikeluarkan di bawah pelan ini ditamatkan atau diubah dan semua perubahan dibuat pada ulangtahun **Polisi** sahaja. Tertakluk kepada peruntukan **Polisi** ini, **Kami** boleh memberi notis penamatan melalui surat berdaftar kepada **Anda** di alamat terakhir **Anda** yang diketahui dalam rekod **Kami**. Penamatan itu menjadi berkuatkuasa empat belas (14) hari dari tarikh notis tersebut.

Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh yang menjangkaui tarikh penamatan **Polisi**, pembahagian yang sepatutnya akan dipulangkan kepada **Anda** oleh **Kami**. Jika premium tidak dibayar untuk sebarang tempoh sehingga tarikh penamatan, **Anda** akan bertanggungjawab kepada **Kami** untuk bayaran premium tersebut, di mana **Kami** boleh, pada pendapatnya, menghantar bil kepada **Anda**.

9. **Penamatan Automatik**

**Polisi** ini dianggap telah ditamatkan apabila berlaku kejadian berikut, yang mana lebih awal:

a) Serta-merta apabila **Pihak Diinsuranskan** mencapai umur lapan puluh (80) tahun, tepat pada tarikh lahir.

b) Apabila **Pihak Diinsuranskan** meninggal dunia atau jika **Pihak Diinsuranskan** mengalami Hilang Upaya Kekal akibat **Kemalangan** yang menyebabkan timbulnya tuntutan di mana manfaat penuh 100% amaun Jumlah Prinsipal Diinsuranskan yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** telah dibayar.

10. **Penamatan oleh Anda**

**Anda** boleh menamatkan **Polisi** pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada **Kami** dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat oleh **Anda** pada tahun polisi semasa. **Anda** berhak mendapat pengembalian premium jangka pendek seperti berikut:

**Kadar Tempoh Pendek:**

| Tempoh Tidak Melebihi | % Pengembalian Premium Tahunan |
|---|---|
| 15 hari | 90% |
| 1 bulan | 80% |
| 2 bulan | 70% |
| 3 bulan | 60% |
| 4 bulan | 50% |
| 5 bulan | 40% |
| 6 bulan | 30% |
| 7 bulan | 25% |
| 8 bulan | 20% |
| 9 bulan | 15% |
| Tempoh melebihi 9 bulan | Tiada Pengembalian |

Pengembalian premium tertakluk kepada premium minimum tujuh puluh lima (75) Ringgit Malaysia.

11. **Waktu Efektif Penamatan**

Polisi ini akan tamat pada 12.01a.m. waktu Malaysia pada tarikh berkenaan yang dinyatakan di atas.

12. **Penguatkuasaan Semula**

**Polisi** boleh dikuatkuasakan semula atas budi bicara **Kami** tertakluk kepada:

a) Permohonan bertulis oleh **Anda**;

b) Bukti kebolehinsuranan memuaskan kepada **Kami**; dan

c) Pembayaran semua premium perlu dibayar jika ada.

13. **Pelepasan Liabiliti**

Sebarang penerimaan atau pelepasan yang diberi kepada **Kami** berkaitan tuntutan di bawah **Polisi** ini adalah dianggap telah lengkap dan pelepasan muktamad daripada semua liabiliti **Syarikat** berkaitan dengan tuntutan tersebut.

14. **Pembayaran Manfaat**

Jika **Anda** meninggal dunia, manfaat akan dibayar kepada Benefisiari **Anda** yang dinamakan atau wakil sah **Anda** sekiranya tiada Benefisiari yang dinamakan. Jika **Pihak Diinsuranskan** beragama Islam, pembayaran manfaat di bawah **Polisi** ini akan ditentukan oleh Undang-undang Islam yang berkenaan dan Undang-undang Syariah yang diguna pakai.

15. **Keperluan Penjagaan**

Jika berlaku kecederaan yang berkaitan dengan **Polisi** ini, **Anda** perlu mendapatkan nasihat Doktor atau Pakar Bedah atau Pengamal Perubatan secepat yang mungkin dan bertindak mengikut nasihat-nasihat yang diberikan.

16. **Matawang & Kadar Tukaran Semasa**

Sekiranya berlaku kemasukan ke **Hospital** di luar Malaysia, bil-bil yang menggunakan matawang selain daripada Ringgit Malaysia akan dibayar berdasarkan kadar pertukaran matawang asing RHB Bank pada tarikh **Pihak Diinsuranskan** dikeluarkan daripada **Hospital.**

17. **Undang-undang yang Mengawal Selia**

**Polisi** ini adalah di bawah undang-undang Malaysia, dan ia tertakluk kepada dan dikawal-selia oleh undang-undang semasa di Malaysia. Indemniti yang disediakan oleh **Polisi** ini tidak diguna pakai berkaitan dengan penghakiman yang tidak pada mulanya disampaikan oleh atau diperolehi daripada Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten di dalam Malaysia atau kepada perintah yang diperolehi dalam Mahkamah tersebut bagi penguatkuasaan penghakiman yang dibuat di luar Malaysia sama ada melalui perjanjian timbal balik atau sebaliknya.

18. **Pindaan**

**Kami** berhak untuk meminda terma dan peruntukan **Polisi** ini dengan memberi notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir **Pihak Diinsuranskan** yang terdapat dalam rekod **Kami**, dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh pembaharuan **Polisi** seterusnya. Pindaan kepada **Polisi** ini tidak sah kecuali jika Dibenarkan oleh **Kami** dan kelulusan itu diendorskan kepadanya.

19. **Prosiding Undang-undang**

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti, boleh diambil untuk mendapatkan semula **Polisi** sebelum tamat tempoh atau sembilan puluh (90) hari setelah bukti tuntutan telah diserahkan mengikut keperluan **Polisi** ini.

20. **Syarat Duluan Terhadap Liabiliti**
Pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan terma, syarat dan pengendorsan **Polisi** ini setakat yang ia berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Anda** atau mana-mana pihak menuntut di bawah **Polisi** dan kebenaran bagi pernyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat duluan kepada sebarang liabiliti **Syarikat** untuk membuat sebarang pembayaran di bawah **Polisi** ini.

21. **Bayaran Sebelum Perlindungan**
Adalah menjadi syarat khas asas dan amat penting di dalam kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dijelaskan mestilah dibayar dan diterima oleh **Kami** sebelum perlindungan bermula.

22. **Pengembalian Tuntutan**
Jika berlaku kejadian di mana **Kami** telah membayar manfaat kepada anda tetapi tidak layak diterima, **Kami** berhak untuk mendapatlkan kembali manfaat tersebut daripada **Anda**.

23. **Kelayakan**
Kelayakan terhad kepada individu yang mana negara kediaman adalah di Malaysia. **Anda** kekal layak untuk perlindungan sehingga hari lahir ke lapan puluh (80) apabila semua perlindungan di bawah **Polisi** ini akan tamat.

24. **Interpretasi**
**Polisi** ini, termasuk borang penyertaan/borang cadangan, **Jadual Polisi**, pengendorsan dan pindaan, jika ada, hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau ekspresi yang yang mana maksud spesifik telah ditakrifkan akan, kecuali diperlukan sebaliknya oleh konteks, membawa maksud spesifik yang sama di mana sahaja ia tertera.

25. **Cukai Perkhidmatan**
Sila ambil perhatian bahawa Cukai Perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia berkuatkuasa dari 1 March 2024 adalah pada kadar lapan (8) peratus.

**RHB Insurance Berhad** berhak untuk mengutip daripada **Anda** sejumlah amaun yang bersamaan dengan cukai perkhidmatan yang perlu dibayar atas premium yang berkenaan untuk tempoh polisi.

Obligasi **Anda** untuk membayar cukai perkhidmatan akan membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat polisi insurans **Anda**.

26. **Klausa Timbang Tara**
Semua pertelingkahan yang timbul daripada **Polisi** ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak bersetuju atas seorang Penimbang Tara, ia akan dirujuk kepada dua orang Penimbang Tara yang salah seorang dilantik secara bertulis oleh setiap satu pihak dalam masa satu bulan kalendar selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju, Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan mereka. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara serta mempengerusikan mesyuarat dan keputusan mengenai award akan menjadi syarat-syarat terdahulu sebelum apa-apa hak tindakan dibuat terhadap Kami. Jika **Kami** menafikan liabiliti kepada **Anda** atau wakil peribadi **Anda** untuk mana-mana tuntutan di sini dan tuntutan tersebut bukan dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian dirujukkan kepada timbang tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan bagi segala tujuan akan dianggap telah dihentikan dan seterusnya tidak akan diperolehi semula mengikut polisi ini.

27. **Klausa Perang dan Pengganas**
lnsurans ini tidak mengambil kira kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut sama ada terdapat sebab atau kejadian lain yang menyumbang kepadanya dalam tempoh yang sama atau dalam apa jua turutan kepada kerugian:

    a. perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pertempuran awam yang mencetuskan atau menyebabkan pemberontakan, ketenteraan atau pengambilalihan kuasa;
    b. **Tindakan pengganas**
    Adalah dipersetujui bahawa, tanpa mengambilkira sebarang penyebab, **Polisi** ini tidak melindungi sebarang kerugian di dalam apa jua cara yang disebabkan atau berpunca daripada tindakan pengganas yang melibatkan penggunaan atau ancaman sebarang senjata atau peralatan nuklear atau agen kimia atau biologi.
    Untuk tujuan pengecualian ini, tindakan pengganas bermaksud tindakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau keganasan dan/atau ancaman, oleh mana-mana individu atau berkumpulan, sama ada bertindak bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited untuk tujuan politik, keagamaan atau ideologi atau tujuan seumpamanya termasuk dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan masyarakat awam atau mana-mana bahagian masyarakat tertentu dalam ketakutan. Ia juga tidak merangkumi kerugian, pampasan, kos atau perbelanjaan di dalam apa jua bentuk yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, berpunca dari atau berkaitan dengan sebarang tindakan yang

diambil untuk mengawal, mencegah, membanteras atau berkait di dalam apa jua cara dengan (a) dan/atau (b) di atas. Jika **Kami** mendakwa bahawa atas sebab pengecualian ini, sebarang kerugian, pampasan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh **Polisi** ini, maka **Anda** bertanggungjawab untuk membuktikan ia adalah sebaliknya. Jika berlaku keadaan di mana sebarang bahagian daripada pengecualian ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, semua bahagian lain masih kekal berkuatkuasa dan digunapakai.

28. **Klausa Risiko Radioaktif/Tenaga Nuklear**

Insurans ini tidak melindungi kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berkaitan dengan mana-mana satu yang berikut atau sebarang kerugian sampingan lain akibat:

a. radiasi terion daripada atau kontaminasi oleh radioaktif daripada mana-mana bahanapi nuklear atau daripada sisa-sisa pembuangan nuklear atau daripada pembakaran bahanapi nuklear
b. bahan radioaktif, toksik, letupan atau lain-lain bahan berbahaya atau bahan yang tercemar daripada sebarang jenis pemasangan nuklear, reaktor atau lain-lain komponen nuklear
c. sebarang senjata peperangan menggunakan atom atau pembakaran nuklear dan/atau pencetus pembakaran lain atau kuasa atau bahan radioaktif

## PENGENDORSAN
**(dilampirkan kepada dan membentuk sebahagian Polisi ini)**

1. **LANJUTAN TEMPOH INSURANS SECARA AUTOMATIK** Jika akibat daripada kematian **Anda**, kecederaan atau penyakit atau bagi sesiapa yang melakukan perjalanan bersama **Anda**, atau disebabkan kelewatan atau gangguan perkhidmatan pengangkutan awam yang di luar kawalan **Anda**, **Anda** tidak dapat melengkapkan perjalanan **Anda** sebelum tamat tempoh insurans ini, **Tempoh Insurans** akan dilanjutkan secara automatik tanpa sebarang premium tambahan untuk tambahan hari yang perlu sehingga:
   a) Empat belas (14) hari jika sebarang kenderaan, kapal laut atau kapal terbang di mana **Anda** melakukan perjalanan sebagai seorang pemegang tiket mengalami kelewatan.
   b) Tiga puluh (30) hari jika perjalanan pulang yang sepatutnya tidak dapat dilakukan kerana **Anda** mengalami kecederaan badan atau penyakit akibat sebab yang dilindungi di bawah **Polisi** ini.

## NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa **Polisi** insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Anda**. Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, **Kami** ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

## BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

**Unit Pengendalian Aduan**
RHB Insurance Berhad
Aras 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Faks: 03-2163 7277
E-mel: complaints_unit@rhbinsurance.com.my

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika Kami tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

**Anda** boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

**Unit Pengurusan Aduan**
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my
Laman Web: www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Kami atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

**BNMTELELINK**
Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

| HEAD OFFICE / IBU PEJABAT | CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE / KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN |
|---|---|
| Level 12, West Wing, The Icon,<br>No.1, Jalan 1/68F,<br>Jalan Tun Razak,<br>55000 Kuala Lumpur<br>Tel: 03 - 2180 3000 Fax: 03 - 9281 2729<br>Website: insurance.rhbgroup.com | Level 1, Tower Three, RHB Centre,<br>Jalan Tun Razak,<br>50400 Kuala Lumpur<br>Tel: 1300 220 007 Fax: 03 – 2163 7277<br>Email: rhbi.general@rhbgroup.com<br>WhatsApp : 012-603 1978 |
| **Assistance Provider / Penyedia Bantuan** | |
| **24 Hours Hotline: 03-7965 3833** | |